

# SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)

Dekan  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM  
Pulau Pinang



604-653 3888 ext:3371  
604-656 3707

dean\_hum@usm.my

humanities.usm.my

facebook.com/humanities2usm

<https://upu.mohe.gov.my/>





## Pengenalan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan ditubuhkan pada 1970 berorientasikan kesusastraan liberal dan berfungsi memberi keluasan keseimbangan kepada rancangan pengajian di USM. Program pengajian yang ditawarkan bertujuan melengkapkan pelajar dengan pemahaman asas tetapi mendalam tentang ciri-ciri utama masyarakat, budaya dan pemikiran terutama di Asia Tenggara dan bagaimana unsur luar turut mempengaruhi atau meninggalkan kesan terhadap akar budaya asal negara ini. PPIK komited dalam misinya untuk mengajar, menyelidik dan menerbit dalam bidang utama Ilmu Kemanusiaan serta terlibat sama dengan komuniti untuk pembaikan sejagat.



### Objektif Penawaran Program

- Memberikan kesedaran bahawa sebarang ilmu yang dipelajari itu hanya merupakan asas kepada proses mencari ilmu yang berterusan seumur hidup.
- Memberi asas akademik dalam disiplin yang berkenaan seajar dengan kandungan ijazah yang dianugerahkan sebagai asas pendidikan yang luas dan menyeluruh.
- Membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran insaniqh termasuk latihan pekerjaan yang sesuai dan untuk melahirkan graduan yang seimbang dan berkemampuan dalam kehidupan dan pekerjaan



### Ciri-ciri Kurikulum

- Tempoh pengajian - 3 1/2 tahun
- Pencakupan ilmu yang menyeluruh (holistik)
- Pembelajaran berbentuk kritis dan analitis
- Penyaluran ilmu yang unggul dan bertaraf antarabangsa
- Keseimbangan di antara penekanan terhadap sains dan teknologi dan adat resam serta etika dan nilai ketimuran.



### Syarat Kemasukan

Warganegara Malaysia

Pengambilan pelajar bagi Program Pengajian Ijazah Pertama (Penuh Masa) adalah melalui sistem UPU. Calon perlu memenuhi syarat am dan syarat khas mengikut kategori berikut:

**01** Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

**02** Diploma / Setaraf [A-Level/ International Baccalaureate (IB) / Australian Matriculation (AUSMAT) dll]

**03** Dan mencapai Tahap 2 (Band 2) dalam MUET/Setaraf.



# Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)

Pengkhususan	Prospek kerjaya
Linguistik Bahasa Melayu	Program ini memberitumpuan kepada pembelajaran dan pengkajian dalam bidang linguistik menggunakan data daripada bahasa Melayu, dialek-dialek Melayu di Malaysia dan Nusantara, dan bahasaserta dialek lain yang terdapat di Malaysia. Penekanan diberikan terhadap aspek teoretis dan penerapan teori linguistik dalam subbidang linguistik, iaitu data bahasa seperti linguistik umum, fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, wacana, pragmatik, psikolinguistik dan sosiolinguistik.
English Language Studies (Pengajian Bahasa Inggeris)	The programme aims to produce graduates who are competent and knowledgeable in language and linguistics. This programme also trains students to analyse literary text effectively and hone their communication skills in order to reach excellence at the international level. Students are given opportunities to analyse concepts and theories in the field of English Language Studies. It will also increase the students' commitment in applying the principles that they have learned particularly in communicating and managing information at the workplace.
Kesusasteraan	Program ini merangkumi kajian terhadap sejarah, teori dan kritikan karya kesusasteraan tradisional dan moden. Pelajar akan dilatih dalam mengapresiasi karya dan mengaplikasikan pengetahuan seni dan kreativiti dalam kehidupan. Bahan kajian meliputi hasil kesusasteraan tempatan dan antarabangsa yang merangkumi sastera lisan, teks tradisional dan media baru. Perbandingan karya secara lingkaran berpusat yang meliputi karya dari dunia Melayu, Asia, Eropah dan Amerika juga diliputi dalam program ini.
Geografi	Program ini memberikan perhatian kepada sains ruangan yang mengkaji fenomena fizikal, iaitu persekitaran asli muka bumi dan unsur-unsur kemanusiaan atau persekitaran sosial yang terdapat dalam ruangan. Tumpuan juga diberikan kepada interaksi manusia sebagai penghuni bumi ini dengan alam sekitar serta implikasinya, khususnya dari segi pengubahsuaian ruangan muka bumi untuk kepentingan kehidupan manusia sendiri.
Sejarah	Program ini mengajarkan pengetahuan tentang Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia dan Eropah Moden. Aspek utama yang diberikan tumpuan ialah perubahan sosial, politik dan ekonomi, imperialisme dan pergerakan nasionalisme.



## Maklumat Tambahan

### Pakej Program Minor (20 jam kredit)

Pelajar boleh memilih untuk MINOR di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan:

- Linguistik Bahasa Melayu
- English Language Studies (Pengajian Bahasa Inggeris)
- Kesusasteraan
- Geografi
- Sejarah
- Falsafah dan Tamadun
- Pengajian Islam
- Terjemahan dan Interpretasi

ATAU memilih program MINOR di pusat pengajian lain di USM.



## Struktur Pengijazahan

No.	Jenis Kursus	Jam Kredit
1.	Asas Teras (Modul Lestari, Pengantar, Major)	72
2.	Minor	20
3.	Elektif	10
4.	Kursus Universiti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Malaysia</li> <li>• Bahasa Inggeris / Bahasa Inggeris Tambahan</li> <li>• Pelajar Tempatan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Falsafah dan Isu Semasa</li> <li>- Penghayatan Etika dan Peradaban</li> <li>- Teras Keusahawanan</li> <li>- Pelajar Antarabangsa</li> <li>- Malaysian Studies</li> <li>- Opsyen/Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris</li> </ul> </li> <li>• Bahasa Ketiga/Kokurikulum/Kursus Kemahiran/Opsyen Pelajar perlu memilih mana-mana yang berikut:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kursus Bahasa Asing</li> <li>- Kursus Kokurikulum (1-6 jam kredit)</li> <li>- Kursus Kemahiran/ Opsyen</li> </ul> </li> </ul>	2 jam kredit 4 jam kredit  2 jam kredit 2 jam kredit 2 jam kredit 4 jam kredit 2 jam kredit 2 jam kredit  3-10 jam kredit
	<b>Jumlah</b>	<b>120</b>